

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 JUN 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	KPDNKK tahan pengasas skim piramid Mface	BERNAMA
2.	KPDNKK detains Mface boss, seize RM685,612 cash and freeze accounts worth RM30 million	BERNAMA
3.	Pengasas skim Mface ditahan	Sinar Harian
4.	Founder nabbed, 98 accounts frozen	New Straits Times



KPDNKK Tahan Pengasas Skim Piramid Mface

GEORGE TOWN, 20 Jun (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menahan pengasas skim piramid, Mface Club @ Mfc Club serta merampas wang tunai berjumlah RM685,612 dalam serbuan di tiga rumah mewah milik lelaki itu, di Sungai Dua Butterworth dan Kulim, Kedah semalam.

Lelaki berusia 50-an itu ditahan di kediaman mewahnya di Taman MBI Kulim melalui operasi Op Token 2 oleh KPDNKK yang bermula pada pukul 6.30 pagi.

Operasi hasil maklumat dan risikan sejak sebulan lepas itu dijalankan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), polis, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), **CyberSecurity Malaysia (CSM)** dan Pejabat Peguam Negara.

Pengarah Penguatkuasa KPDNKK Datuk Mohd Roslan Mahayudin berkata hasil serbuan di rumah lelaki terbabit di Taman MBI Kulim, pihaknya merampas wang tunai sebanyak RM187,612 dan pelbagai mata wang asing bernilai RM218,000 serta tiga buah kereta mewah iaitu Jaguar, Range Rover dan Vellfire bernilai RM1.55 juta.

"Kami turut menyerbu sebuah lagi kediaman milik lelaki itu di taman yang sama namun tiada rampasan manakala dalam serbuan di rumahnya di Sungai Dua, Butterworth, kami merampas wang tunai RM280,000," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Mohd Roslan berkata susulan penahanan pengasas skim Mface Club @ Mfc Club di bawah syarikat MBI Group itu, pihaknya turut membekukan empat akaun milik lelaki berkenaan dan saudaranya membabitkan nilai sebanyak RM30 juta.

"Sehingga kini, jumlah pembekuan ke atas akaun-akaun yang terlibat dalam skim itu ialah RM209 juta melibatkan 98 akaun iaitu 49 akaun syarikat serta 49 akaun individu membabitkan pengasasnya, pelabur dan beberapa pihak lain," katanya.

Beliau berkata pihaknya turut bekerjasama dengan pihak berkuasa di luar negara terutama di China kerana skim itu turut membabitkan pelabur dan pelaburan di sana.

Pengasas skim itu kini direman selama empat hari dan disiasat menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001), katanya.

Beliau berkata susulan operasi itu, pihaknya percaya berjaya menumpaskan sindiket skim piramid yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang serta usaha mengesan beberapa lagi individu yang terlibat dengan kegiatan itu giat dijalankan.

"Penguatkuasaan secara bersepadu itu menyasarkan tindakan lebih menyeluruh, bukan hanya terhadap pengendali, malah turut membabitkan penganjur dan pelabur dalam skim ini. Saya juga minta sesiapa yang pernah menjadi mangsa skim itu agar tampil membuat laporan kepada KPDNKK," katanya.

-- BERNAMA



KPDNKK Detains Mface Boss, Seize RM685,612 Cash And Freeze Accounts Worth RM30 Million

GEORGE TOWN, June 20 (Bernama) -- The boss of Mface Club @ Mfc Club, a financial scheme (pyramid scheme), was detained by the authorities and RM685,612 cash seized after raiding three luxury residences owned by the suspect in Sungai Dua, Butterworth and Kulim, Kedah, yesterday.

The suspect, in his 50s, was detained at Taman MBI, Kulim under Ops Token 2 by the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry's enforcement during a raid that started at 6.30am.

The raid was carried out after a month-long surveillance and investigation with the help of Bank Negara Malaysia (BNM), police, Registrar of Companies Malaysia (SSM), **CyberSecurity Malaysia (CSM)** and the Attorney General's Office.

Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry's enforcement director Datuk Mohd Roslan Mahayudin said during the first raid at a house in Taman MBI, Kulim, RM187,612 cash and RM218,000 in currencies from various countries, three luxury cars -- Jaguar, Range Rover and Vellfire -- worth RM1.55 million were seized.

Mohd Roslan said during a second raid carried out at the suspect's house, nothing was seized but during the third raid at the suspect's house in Sungai Dua, Butterworth, RM280,000 cash was seized.

Following the detention of the Mfc Club @ Mface Club owner which comes under the MBI Group, the authorities also froze four accounts owned by the suspect and his relatives, worth about RM30 million.

"Thus far, the total amount frozen in 98 accounts that belonged to the suspect and his relatives, comprising 49 companies and 49 individual accounts, amounted to RM209 million," he said.

Mohd Roslan said the ministry was also working closely with foreign authorities, especially from China, because the it involves investment from China.

"The suspect will be remanded for four days and investigated under Act 613 of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001," he said.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 4
TARIKH : 21 JUN 2017 (RABU)

Pengasas skim Mface ditahan

SYAJARATULHUDA ROSLI

GEORGETOWN - Seorang pengasas skim piramid, Mface Club @ Mfc Club ditahan bersama wang tunai berjumlah RM685,612 dalam serbuan di tiga rumah mewah milik lelaki itu, di Sungai Dua Butterworth dan Kulim, Kedah kelmarin.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Mohd Roslan Mahayudin berkata, turut disita tiga kereta mewah Jaguar, Range Rover dan Vellfire bernilai RM1.55 juta.

Menurutnya, ketika serbuan lelaki berusia 50-an itu berada di kediaman mewahnya di Taman MBI Kulim.

"Serbuan di kediaman pertama iaitu di Sungai Dua, kita sita wang tunai bernilai

Siasatan menyeluruh: Menteri

PUTRAJAYA - Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, siasatan menyeluruh akan dilakukan terhadap sindiket skim piramid, MBI International walaupun pihak syarikat terbabit mendakwa mereka tidak melakukan sebarang kesalahan.

"Tindakan kita (siasatan) untuk memastikan segala apa yang mereka (pihak syarikat) jalankan adalah mengikut undang-undang," katanya pada sidang media selepas perhimpunan bulanan kementerian, semalam.


- Bernama

RM280,000 manakala di kediaman kedua (Kulim), sejumlah RM187,612 wang tunai dirampas.

"Selain itu, kita juga merampas wang tunai pelbagai mata wang asing antaranya Thailand, Australia dan Amerika Syarikat bernilai RM218,000 di kediaman yang

sama. Tiada rampasan di kediaman ketiga," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mohd Roslan berkata, susulan penahanan pengasas skim Mface Club @ Mfc Club di bawah syarikat MBI Group itu, pihaknya turut membekukan empat akaun



Mohd Roslan (tiga, kanan) menunjukkan sebahagian barang yang dirampas termasuk mata wang asing dipercayai milik suspek.

milik lelaki berkenaan dan saudaranya membabitkan nilai sebanyak RM30 juta.

"Sehingga kini, jumlah pembekuan ke atas akaun-akaun yang terlibat dalam skim itu ialah RM209 juta melibatkan 98 akaun iaitu 49 akaun syarikat serta 49 akaun individu membabitkan pengasasnya, pelabur dan beberapa pihak lain," katanya.

Mohd Roslan berkata, pengasas skim itu kini direman selama empat hari dan disiasat menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/PPUAA 2001).

Beliau berkata, operasi berkenaan hasil maklumat dan kerjasama agensi penguatkuasaan lain termasuk Bank Negara, polis, Suruhanjaya Syarikat

FAKTA

• Tiga kereta mewah RM1.55j disita

• Empat akaun RM30 juta dibekukan

Malaysia (SSM), CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Pejabat Peguam Negara.

"Setakat ini, kita tidak menerima sebarang laporan dari mangsa namun operasi ini dijalankan berdasarkan hasil maklumat awam dan risikan yang dijalankan kira-kira sebulan lalu.

"Hasilnya kita berjaya mengesan tiga kediaman yang dijadikan transit penyimpanan wang tunai sebelum dimasukkan ke mana-mana akaun hasil aktiviti urus niaga skim tersebut," katanya.

Jelasnya, siasatan awal

mendapati tiada orang kenamaan terlibat dalam skim pelaburan berkenaan.

"Melalui operasi ini kita berjaya menumpaskan sindiket skim piramid yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang serta usaha mengesan beberapa lagi individu yang terlibat dengan skim ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan pihak berkuasa di luar negara terutama di China kerana skim itu turut membabitkan pelabur dan pelaburan di sana.

Mengulas berhubung operasi syarikat di M Mall di sini, Mohd Roslan berkata, premis itu dibenarkan beroperasi sehingga siasatan selesai.

Tambahnya, hasil siasatan akan menentukan sama ada ia perlu ditutup atau sebaliknya.



Mohd Roslan (kanan) menunjukkan tiga buah kereta mewah yang disita daripada suspek.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 3
TARIKH : 21 JUN 2017 (RABU)

MBI GROUP INTERNATIONAL

FOUNDER NABBED, 98 ACCOUNTS FROZEN

Accounts contain RM209 million,
says ministry's enforcement director

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
audreydmd@nst.com.my

THE founder of MBI Group International, an alleged illegal money scheme, was arrested at his luxury home in Taman MBI DesaKu in Kulim, Kedah, on Monday.

Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry enforcement director Datuk Mohd Roslan Mahayudin said the man, in his early 50s, was detained at 6.30am.

Roslan said raids were also conducted in Sungai Dua, Butterworth and another area in Kulim.

He said the founder was the only one arrested and held for four days under remand.

"Whether he is charged or not, we will decide based on investigations."

The operation, codenamed Op Token II, was a collaboration between the ministry, Attorney-General's Chambers' National Revenue Recovery enforcement team, Bank Negara, Inland Revenue Board, Companies Commission of Malaysia, CyberSecurity Malaysia and police.

It was a continuation to Op To-

ken I conducted at M Mall here, run by MBI Group, and the MBI International head office in Ampang on May 29.

Roslan said more than 20 subsidiary companies of MBI Group, including its development arm, would be investigated.

He said so far, authorities had frozen 98 local bank accounts holding RM209 million.

"Of the accounts, 49 are individual and 49 are company accounts, including its subsidiaries. The individual accounts belong to different individuals, including the founder. All account owners will be called in for questioning. They are believed to be involved in an illegal money scheme."

In Monday's raids, Roslan said authorities seized RM280,000 from the premises in Sungai Dua and Butterworth.

He said the task force seized another RM187,612 in Taman MBI DesaKu, along with RM218,000 worth of foreign currencies.

"Three luxury vehicles — a Jaguar worth RM350,000, a Range Rover (RM900,000) and a Vellfire (RM300,000) — were also seized.

"Four bank accounts, containing RM30 million, under Mface Club belonging to a relative of the founder were also frozen."



Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry enforcement director Datuk Mohd Roslan Mahayudin (front row, third from left) holding cash seized in an operation, at the Penang Bank Negara office yesterday. (Inset) Three luxury vehicles seized in an operation. PIX BY RAMOZAN MASIAM

The operation was conducted under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001. It carries a jail-

term of not more than 15 years and a fine of not less than five times the total illegal proceeds or RM5 million, whichever is higher. Roslan said they would coop-

erate with all quarters in the course of the investigations, including foreign counterparts, as many of the investors were from China.